




## KEMAHIRAN BERSOSIAL

**M**ANUSIA memiliki pelbagai jenis keperluan, baik secara peribadi mahupun dalam hidup bermasyarakat. Manusia bahkan harus memenuhi keperluan fizikal, mental dan emosi, rohani serta keperluan sosial. Sudah pasti mereka perlu memenuhi keperluan untuk hidup bermasyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana ada pelbagai keperluan diri dapat dipenuhi oleh mereka daripada masyarakat dan begitulah sebaliknya.

Tidak dinafikan ada individu yang sukar untuk hidup ketika bersendirian dan ada antara mereka kehidupannya tidak akan sempurna tanpa jiran dan anggota masyarakat yang lain. Walau bagaimanapun, ada juga individu berasa seronok jika hidup berseorangan, malah akan mendapat tekanan atau masalah lain pula jika tinggal bermasyarakat. Mengapakah perkara seumpama ini berlaku? Sudah pasti alasan munasabahnya ialah kegagalan mereka untuk berhubung, berkomunikasi, atau tatacara dalam suasana efektif dan positif serta mewujudkan suasana dan kesan harmoni kepada setiap anggota masyarakat berkenaan. Yang pasti, mereka gagal dalam memanfaatkan kehidupan bermasyarakat dan perkara seperti



Sudah pasti alasan munasabahnya ialah kegagalan mereka untuk berhubung, berkomunikasi, atau tatacara dalam suasana efektif dan positif serta mewujudkan suasana dan kesan harmonis kepada setiap anggota masyarakat berkenaan.

ini sewajarnya tidak harus berlaku. Memang ada perbezaan dari segi personaliti individu dalam kelompok manusia ketika berhadapan dengan masyarakat.

Tanpa mengira apa-apa juga jenis personaliti, kepercayaan agama dan kebudayaan, setiap individu perlu memiliki kemahiran bersosial. Kemahiran sosial ialah hubungan interpersonal dan proses interaksi sesama manusia yang positif yang harus membawa manfaat kepada semua pihak yang terlibat, sama ada dalam bentuk material, kestabilan emosi, peningkatan kekuatan fizikal, intelek atau spiritual. Remaja yang tidak mempunyai kemahiran sosial akan bermasalah dalam kehidupan.

Kemahiran ini perlu dimiliki kerana tindakan ini mampu mencapai hasrat dan matlamat kita kepada orang lain di samping dapat menghasilkan satu bentuk perhubungan positif dan harmonis serta mampu mengekalkan perhubungan bagi jangka masa panjang.

Penyelidik mengakui kemahiran sosial merupakan sebahagian daripada kepintaran dan kecerdikan, akal seseorang individu. Dalam membicarakan kepintaran dan

kecerdikan akal, sudah pasti hal ini berhubung secara langsung dengan tahap perkembangan otak yang sempurna sebagai kesan daripada kesempurnaan genetik individu.

Tidak hairanlah kanak-kanak atau individu yang mengalami kemalangan trauma pada masa lalu mengakibatkan kecacatan otak akhirnya akan menjejaskan keupayaan sosial mereka. Hal ini tidak dapat dinafikan terutama bagi mereka yang mengalami kerencatan otak atau kemalangan yang menjejaskan fungsi otak pada bahagian hadapan yang dikenali sebagai *prefrontal lobe*, sekali gus menjejaskan personaliti dan keupayaan sosial mereka.

Individu yang mengalami gangguan personaliti, seperti personaliti antisosial atau gangguan kebangsaan sosial mempunyai kekurangan dari aspek kemahiran sosial. Para pengkaji melihat faktor persekitaran, seperti pendedahan yang kerap dalam pergaulan positif sebenarnya memantangkan seseorang dan mendatangkan tahap kemahiran sosial yang baik dalam interaksi mereka.

Punca seseorang individu kurang mahir dari segi interaksi sosialnya kerana kurang bergaul dan tiadanya pendedahan wajar untuk mereka mengatasi kekurangan itu. Namun begitu, hal ini bukan diakibatkan oleh sindrom keretakan otak. Atas kepercayaan inilah mereka menekankan bahawa latihan sosial tertentu amat penting untuk diajar bagi menampung kekurangan berkenaan. Yang penting, kemahiran sosial perlu ada dalam diri setiap remaja kerana kemahiran ini mempunyai implikasi yang signifikan dalam kehidupan manusia, selain sekadar membantu dalam mewujudkan perhubungan positif sesama insan.

Kemahiran sosial yang dimiliki sebenarnya dapat meningkatkan keupayaan seseorang untuk menempuhi aktiviti kehidupan bersosial dalam masyarakat. Kemahiran ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri; kemampuan untuk menerima perbezaan pendapat dan perbezaan individu; mampu menghormati pandangan orang lain; bermurah hati dalam memberikan nasihat dan galakan; bijak membaca suasana untuk memberikan teguran dan kritikan; mengiktiraf kelebihan orang lain serta menerima kelemahan mereka sebagai sesuatu yang unik dan tidak perlu diperlekehkan.

Mengapakah remaja perlu mempunyai kemahiran bersosial?

- Pertama remaja yang tidak tahu bersosial secara positif akan mudah terpengaruh dengan anasir negatif. Hal ini menunjukkan bahawa mereka gagal dalam mempamerkan interaksi sosial yang positif.
- Kedua, masih terdapat sebahagian remaja yang gagal untuk berinteraksi dalam masyarakat sehingga mereka bertindak mengasingkan diri kerana tidak tahu cara untuk berinteraksi dengan orang lain. Hal ini disebabkan oleh perasaan malu, rendah diri, atau tidak mempunyai keyakinan diri.
- Ketiga, terdapat remaja yang tidak mempunyai personaliti yang baik dan mempamerkan tabiat yang buruk sehingga dianggap sebagai tidak beradab oleh orang dewasa. Mereka tidak tahu cara menghormati orang yang lebih tua.

Remaja ini terpengaruh dengan budaya asing yang ditonton oleh mereka di televisyen.

- Keempat, kelemahan dalam kemahiran sosial jelas dalam berhidupan remaja sekiranya kita melihat ketidakyakinan berkomunikasi dan menyampaikan idea dengan baik.
- Kelima, kegagalan mencari pekerjaan kerana tidak mempunyai kemahiran sosial. Mereka gagal mempamerkan personaliti yang sewajarnya ketika dipanggil temu duga untuk bekerja dengan sesebuah organisasi. Mereka terbawa-bawa dengan budaya dan tabiat lama ketika di bangku sekolah atau universiti.
- Keenam, banyak remaja yang bekerja dalam sesebuah organisasi, namun tidak mampu berinteraksi dengan lebih baik.

Kemahiran sosial juga merujuk hubungan persahabatan. Kebanyakan remaja kini mempunyai rakan, tetapi rakan mereka hanya bersama-sama dengan mereka ketika senang sebaliknya meninggalkan mereka ketika susah dan menderita.


Oleh sebab itu, perlu bagi remaja mencari sahabat atau rakan yang berkualiti. Rakan yang berkualiti atau sahabat sebenar mampu memberikan bantuan dalam menstabilkan emosi dan meredakan tekanan ketika remaja menghadapi masalah atau dilanda duka. Persahabatan merupakan kesan kemahiran sosial yang kurang diberikan perhatian, sama ada oleh remaja atau masyarakat umum. Hal ini banyak mempunyai manfaat termasuk dari segi kesihatan.

Kemahiran sosial harus dibentuk sejak kecil dan ibu bapa harus berperanan secara proaktif, malah dipercayai hubungan sehari-hari dengan ibu bapa ialah asas kepada perkembangan kemahiran sosial remaja.

Setiap individu perlu memiliki kaedah dan tatacara tertentu untuk berkomunikasi dengan individu lain supaya keperluan

mereka dapat dipenuhi dan dikongsi pula secara bersama-sama oleh orang lain.

Kekurangan kemahiran ini akan mewujudkan suasana tegang dan cemas dalam interaksi, tidak mampu menerima perbezaan pendapat, mementingkan diri sendiri dan menganggap diri sendiri saja yang betul, malah akan sentiasa mencari keburukan dan kesalahan orang lain. Pendek kata, kemahiran sosial merupakan tatacara yang perlu dimiliki oleh semua orang, sama ada pelajar dan remaja, pemimpin, ulama dan pendakwah, suami dan isteri serta ibu bapa. Dengan tatacara ini, mereka mempunyai peluang yang lebih baik untuk diterima oleh masyarakat dan seterusnya menjadi golongan yang mampu bertahan dalam pelbagai situasi. Mereka juga mempunyai peluang yang lebih cerah untuk dilantik sebagai pemimpin berbanding dengan individu yang tidak berupaya menunjukkan tahap keyakinan diri yang baik atau tidak berani membuahkan pendapat dan idea kreatif. Kemahiran bersosial jika tidak dipelajari akan menjadi penyakit yang boleh menggoyahkan keyakinan diri dan seterusnya menjejaskan reputasi diri sendiri.

Kemahiran bersosial bukan bermakna anda harus bersosial sehingga melupakan batas agama dan tatasusila yang telah ditetapkan, tetapi sekadar mempelajari etiket sosial yang penting dan perlu diamalkan oleh setiap orang untuk memastikan perlakuan kita tidak lari daripada landasan yang betul. Etiket bermaksud undang-undang yang menentukan perlakuan, perangai dan kepatuhan terhadap perkara yang telah ditetapkan. Etiket sosial pula ialah batas perlakuan yang dituntut dan dibenarkan dalam pergaulan sosial seharian yang membabitkan pihak lain. Imej seseorang dibentuk daripada cara individu itu mengurus diri dari segi pakaian, cara bertutur, gerak geri, sopan santun, dan budi bahasa serta dapat membuat penyesuaian dalam menghadiri majlis rasmi. 



**Gambar 1:**

Ketidakyakinan berkomunikasi remaja perlu diubah kerana komunikasi yang baik berupaya menyampaikan idea yang hebat.

**Gambar 2:**

Sikap mengasingkan diri daripada masyarakat sekitar menjadikan emosi remaja tidak stabil dan tertekan kerana tidak dapat melaikan rasa hati mereka.

